

BAB LIMA

Rumusan dan Kesimpulan

Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk melihat gambaran budaya yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Adalah diharapkan penemuan-penemuan kajian ini akan dapat menggambarkan budaya pelbagai kaum yang terdapat di negara ini khasnya, dan di luar negeri amnya. Antara budaya kaum yang dikaji ialah kaum yang terbesar di negara ini, iaitu kaum Melayu, diikuti dengan kaum Cina, kaum India, kaum lain-lain dan kaum asing, atau setidak-tidaknya menemui gambaran ciri-ciri budaya universal.

Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengumpul data bagi menyempurnakan kajian ini. Berdasarkan senarai semak unsur-unsur budaya setiap kaum yang disediakan, pengkaji akan menganalisis unsur-unsur budaya setiap kaum yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Gambaran Budaya dalam Buku Teks

Berdasarkan analisis yang dibuat, dapatlah dirumuskan bahawa buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 memberi gambaran yang paling banyak terhadap budaya Melayu. Hampir separuh (45.1%) daripada gambaran terhadap unsur-unsur budaya yang terdapat dalam buku teks adalah terhadap budaya Melayu berbanding dengan budaya kaum yang lain. Ini bersesuaian dengan Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan pada Ogos 1971 yang menetapkan dasar kebudayaan Kebangsaan hendaklah berlandaskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini. Apatah lagi bangsa Melayu merupakan kaum yang terbesar di negara ini.

Gambaran budaya Melayu paling banyak adalah terhadap unsur-unsur material, iaitu unsur pakaian 7.8% (27). Manakala unsur bukan material yang paling banyak pula, ialah unsur seni sastera. Unsur seni sastera agak mudah dicerminkan dalam buku teks kerana unsur ini biasanya memuatkan cerita-cerita yang menarik dalam bentuk puisi dan prosa untuk menarik perhatian para pelajar sekolah menengah.

Bersesuaian dengan negara Malaysia yang berbilang bangsa, maka budaya universal menduduki tempat yang kedua selepas budaya Melayu, ciri-ciri universal yang

dikongsi bersama diamalkan oleh hampir keseluruhan rakyat yang berada di negara ini. Pengetahuan tentang budaya universal ini dapat meningkatkan persefahaman dan hubungan erat di kalangan rakyat yang berbilang bangsa seperti Melayu, Cina, India, Sikh, Baba dan Nyonya, kaum bumiputra di Sabah dan Sarawak dan lain-lain lagi.

Secara umumnya budaya kaum Cina, budaya kaum India, budaya kaum lain-lain, dan budaya asing masing-masing dicerminkan tidak sampai 10% dalam buku teks yang dikaji. Manakala budaya Melayu pula, meliputi hampir separuh daripada jumlah unsur budaya yang terdapat dalam buku teks.

Kaum India merupakan kaum yang ketiga terbesar di negara ini selepas kaum Melayu dan kaum Cina. Tetapi budaya kaum India paling sedikit ditonjolkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Cerminan budaya kaum India lebih kepada unsur bahasa sahaja.

Penemuan yang menarik ialah tentang budaya Lain-lain negara ini. Gambaran terhadap budaya kaum Baba dan Nyonya agak banyak. Ciri-ciri yang menarik tentang budaya kaum Baba dan Nyonya yang ditemui ialah tentang ciri-ciri baju yang dipakai oleh kaum perempuan, baju mereka yang agak labuh dipadankan dengan dengan kain sarung batik, ini memperlihatkan terdapat pengaruh budaya orang-orang Melayu.

Begitu juga dengan masakan kaum Baba dan Nyonya yang dipengaruhi oleh masakan Melayu, lauk pauk mereka

biasanya lebih pedas dan berempah jika dibandingkan dengan masakan orang-orang Cina yang lain.

Kaum Sikh yang mempunyai jumlah penduduk yang agak kecil bilangannya di negara ini turut dicerminkan dalam buku teks. Bagaimanapun cerminan budaya kaum Sikh keseluruhannya terhadap unsur pakaian sahaja. Kaum Sikh lelaki diilustrasikan memakai semuntal walau memakai apa jenis pakaian sekalipun.

Penemuan kajian bukan sahaja terhadap budaya yang terdapat di negara ini sahaja, tetapi juga mencakupi unsur budaya asing yang turut ditemui walaupun tidak banyak. Oleh kerana negara kita pernah dijajah oleh orang-orang Inggeris, maka pemakaian topi merupakan perkara biasa di kalangan mereka yang bekerja di bawah panas mentari seperti di kebun-kebun sayur.

Unsur budaya asing yang ditemui lebih merupakan ilustrasi terhadap pakaian. Ilustrasi pakaian orang-orang Arab ditemui dalam petikan bacaan luas. Tetapi hanya pakaian orang-orang lelaki Arab sahaja yang ditemui, tidak ada satu pun ilustrasi terhadap pakaian wanita Arab.

Sebagai kesimpulannya, memang terdapat kepelbagaiant budaya yang dicerminkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3, tetapi cerminan itu didominasikan oleh budaya Melayu dan budaya universal. Walaupun ada cerminan terhadap budaya kaum yang lain, tetapi jumlahnya amat sedikit.

Ringkasan Dapatan

Kajian ini walaupun agak terbatas skopnya kepada satu buku teks sahaja, tetapi hasil daripada analisis datanya bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- (1) Budaya Melayu paling banyak dicerminkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.
- (2) Budaya universal turut dicerminkan agak banyak dalam buku teks.
- (3) Budaya lain-lain digambarkan dengan menarik sekali dalam buku teks.
- (4) Budaya orang-orang India paling sedikit dicerminkan dalam buku teks yang dikaji.
- (5) Budaya asing hanya mencerminkan unsur pakaian sahaja.

Kelemahan dan Cadangan

Bagi memperbaiki dan mempertingkatkan lagi mutu kandungan buku teks dalam aspek pendidikan budaya, beberapa cadangan dikemukakan, iaitu:

- (i) Liputan kandungan yang kurang menyeluruh dalam aspek pendidikan budaya perlu dibuat penyemakan semula atau penulisan semula dengan memberi gambaran yang lebih menyeluruh terhadap

kepelbagaian budaya.

- (ii) Konsep kepelbagaian budaya harus diperkembangkan dalam buku teks agar para pelajar lebih menghayati kepelbagaian budaya yang terdapat di dalam dan di luar negara.
- (iii) Budaya asing harus diperbanyak kerana pendedahan kepada budaya asing akan dapat mengelakkan terjadinya kejutan budaya apabila pelajar-pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke luar negeri.
- (iv) Gambaran budaya haruslah merangkumi unsur-unsur yang lebih mencabar pemikiran pelajar seperti unsur-unsur pemikiran dan sebagainya.

Gambaran Budaya mengikut Unsur

Budaya Melayu paling banyak digambarkan dalam buku teks. Antara unsur yang paling banyak dicerminkan ialah unsur pakaian. Ilustrasi tentang pakaian adalah menarik sekali kerana digambarkan dalam banyak situasi. Kaum wanita umpamanya, memakai baju kurung dan baju kebaya. Manakala kepala kaum perempuan pula, ditutupi dengan tudung labuh, kain selendang atau skaf. Kaum lelaki pula, memakai kain pelikat yang dipadankan dengan baju Melayu dan baju batik.

Pakaian pengantin perempuan yang diperbuat daripada kain songket juga turut digambarkan. Pakaian raja pula, diilustrasikan dengan lengkap, iaitu memakai pakaian yang biasanya dipakai oleh pahlawan Melayu, dipadankan dengan tengkolok dan kain sampin. Ilustrasi dan gambaran terhadap unsur pakaian ini boleh memberi gambaran yang jelas tentang ciri-ciri pakaian raja dan pahlawan Melayu pada zaman dahulu.

Cerminan budaya dalam buku teks bukanlah semata-mata menjurus kepada objek-objek material sahaja, tetapi juga meliputi budaya bukan material seperti adat, agama, bahasa, gender, hubungan luar, komunikasi, masalah sosial, semangat patriotik, pemikiran, seni sastera dan pendidikan. Cerminan ini membolehkan pelajar-pelajar mengenali budaya orang lain secara tersirat, iaitu dengan membuat pemerhatian terhadap cara hidup orang lain. Ini boleh membantu pelajar-pelajar memahami dan menghayati budaya masyarakat yang lain melalui pengalaman pemerhatian dan interaksi secara langsung.

Walaupun unsur budaya Melayu dicerminkan paling banyak dalam buku teks berbanding dengan unsur budaya kaum yang lain, tetapi fokus utama hanya kepada 4 unsur sahaja, iaitu unsur pakaian, unsur seni sastera, unsur pekerjaan dan unsur pemikiran yang masing-masing melebihi 10% berbanding dengan unsur budaya yang lain. Manakala lain-lain unsur yang dicerminkan amatlah sedikit, iaitu di antara 0.6% hingga 6.4%. Gambaran yang

begini menyebabkan cerminan terhadap unsur-unsur budaya Melayu tidak menyeluruh dan tidak seimbang.

Daripada 23 unsur budaya yang dikaji, terdapat 4 unsur budaya Melayu yang tidak dicerminkan dalam buku teks, iaitu unsur bahasa, unsur seni muzik, unsur seni tenun dan unsur sejarah.

Hasil kajian menunjukkan hanya 4 unsur budaya Cina yang dicerminkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3, iaitu unsur bangsa, pakaian, pekerjaan dan peralatan. Fokus yang paling banyak ialah terhadap unsur bangsa Cina itu sendiri. Pemaparan unsur budaya Cina tidaklah menjurus kepada unsur-unsur yang lebih simbolik atau lebih abstrak yang boleh membina kreativiti pelajar. Fokus yang terlalu sempit ini menyebabkan unsur-unsur budaya Cina hanya dilihat pada peringkat permukaan sahaja, dan tidak dikupas secara mendalam menjangkau kehidupan yang lebih bermakna.

Dengan itu, bolehlah dirumuskan bahawa unsur-unsur budaya Cina kurang digambarkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 berbanding dengan unsur-unsur budaya kaum yang lain. Unsur-unsur yang digambarkan itu pula tidaklah menyeluruh dan tidak seimbang kerana hanya empat unsur sahaja yang digambarkan daripada 23 unsur yang dikaji.

Budaya India merupakan budaya yang paling sedikit dicerminkan dalam buku teks yang dikaji. Hanya 4 unsur budaya India yang dicerminkan, iaitu unsur bangsa, unsur

komunikasi, unsur pekerjaan dan unsur perhiasan.

Gambaran budaya India tidaklah begitu jelas, pengkaji mendapati hanya nama-nama orang India yang dimasukkan dalam buku teks seperti nama Ravi dan Neela yang terlibat dalam sesi dialog. Lain daripada itu tidak dicerminkan dalam buku teks.

Pelajar Tingkatan 3 yang menggunakan buku teks Bahasa Malaysia tidak berpeluang mendalami dan menghayati unsur-unsur budaya India. Ini menyebabkan mereka tidak berkesempatan memahami budaya masyarakat India melalui buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Gambaran yang diberi hanya senarai nama-nama orang India. Ilustrasi yang ada pula, hanyalah memaparkan pelajar India perempuan yang menjalinkan rambut mereka yang panjangnya sampai ke paras bahu.

Budaya Lain-lain dikategorikan kepada lain-lain kaum yang tinggal di negara ini seperti kaum bumiputra di Sabah dan Sarawak, kaum Baba dan Nyonya, kaum Sikh dan sebagainya. Penemuan yang agak menarik dalam kajian ini ialah cerminan terhadap budaya kaum Baba dan Nyonya yang agak banyak, termasuklah aspek-aspek masakan lauk pauk, hiburan, pakaian, kuih muih, pakaian perkahwinan dan hantaran perkahwinan. Cerminan yang agak panjang lebar ini memberi gambaran yang agak jelas terhadap kaum Baba dan Nyonya di negara ini.

Budaya lain-lain bukan sekadar mencerminkan cara hidup kaum Baba dan Nyonya sahaja, tetapi juga turut mencerminkan budaya kaum bumiputra di Sabah dan Sarawak. Sebanyak sebelas unsur budaya yang dicerminkan sepintas lalu. Unsur makanan dicerminkan lebih banyak berbanding dengan unsur yang lain.

Unsur-unsur yang tidak mendapat perhatian langsung dalam budaya lain-lain ialah unsur agama, unsur hubungan luar, unsur komunikasi, unsur masalah sosial, unsur semangat patriotik, unsur pekerjaan, unsur pendidikan, unsur pengangkutan, unsur perhiasan, unsur seni sastera, unsur seni ukir dan unsur sejarah.

Budaya asing tidaklah banyak dicerminkan dalam buku teks berbanding dengan budaya Melayu, budaya Lain-lain dan budaya universal. Terdapat beberapa kaum asing yang hanya disebut sepintas lalu sahaja dalam buku teks, iaitu bangsa Babilonia, Mesir, Turki, Yunani dan Jerman.

Hanya empat unsur budaya asing yang terdapat dalam buku teks yang dikaji. Antara unsur yang paling banyak dicerminkan ialah unsur bangsa. Manakala unsur agama, pakaian dan pendidikan pula, hanya disentuh satu atau dua kali sahaja tanpa kupasan dan perincian. Unsur budaya asing bukanlah sebenar-benarnya wujud dalam buku teks, kerana nama-nama bangsa yang disebut itu terpaksa dimasukkan apabila mereka merupakan bangsa yang mula-mula mencipta komputer dan alat untuk mengira.

Kurangnya pendedahan terhadap budaya asing menyebabkan pelajar-pelajar hanya terdedah kepada budaya kaum-kaum lain yang terdapat di negara ini sahaja, kerana mereka mendapat pendedahan terhadap budaya kaum yang lain melalui pergaulan harian. Berbeza pula dengan kaum-kaum asing yang berada di luar negara, hanya segelintir pelajar-pelajar sahaja yang berkesempatan melancong ke luar negara sambil mendalami budaya mereka. Jadi, buku teks merupakan salah satu sumber yang boleh memberi pendedahan kepada unsur-unsur budaya asing.

Sebagai kesimpulannya, hanya budaya Melayu dan budaya universal sahaja yang digambarkan agak seimbang dalam buku teks. Manakala unsur-unsur budaya Cina, budaya India, budaya lain-lain dan budaya asing masing-masing digambarkan tidak sampai 10% dalam buku teks. Dengan jumlah peratusan yang sedikit ini, bermakna hanya beberapa unsur budaya sahaja yang boleh diketengahkan dalam buku teks. Manakala unsur-unsur yang lain terpaksa diketepikan. Dengan itu wujudlah ketidakseimbangan unsur-unsur budaya yang dicerminkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.

Ringkasan Dapatkan

- (i) Budaya Melayu memberi gambaran yang jelas terhadap unsur pakaian.

- (ii) Gambaran unsur budaya Melayu yang menyeluruh hanya kepada 4 unsur sahaja, iaitu unsur pakaian, seni sastera, pemikiran dan pekerjaan, manakala unsur-unsur yang lain tidak diberikan perhatian yang banyak.
- (iii) Hanya sedikit sahaja unsur budaya Cina yang dicerminkan dalam buku teks. Pemaparan unsur budaya Cina pula, lebih kepada aspek-aspek material sahaja.
- (iv) Unsur-unsur budaya India paling sedikit dicerminkan dalam buku teks.
- (v) Budaya lain-lain memberi fokus yang banyak kepada budaya kaum Baba dan Nyonya.
- (vi) Gambar terhadap budaya asing tidak dipelbagaikan dalam buku teks.

Kelemahan dan Cadangan

- (i) Gambar dan ilustrasi terhadap sesetengah pakaian seboleh-bolehnya diwarnakan supaya pelajar-pelajar boleh melihat cerminan budaya dalam konteks yang sebenarnya.
- (ii) Gambaran terhadap unsur budaya Melayu tidak menyeluruh kerana hanya 4 unsur budaya sahaja yang diutamakan iaitu unsur pakaian, unsur seni sastera, unsur pemikiran dan unsur pekerjaan. Manakala unsur-unsur yang lain agak sedikit

dicerminkan dalam buku teks.

- (iii) Gambaran unsur budaya Cina tidak seharusnya kepada unsur-unsur yang bercorak material sahaja, tetapi hendaklah menjangkau kepada budaya bukan material.
- (iv) Unsur-unsur budaya India harus dipelbagaikan dalam buku teks, dan bukan setakat empat unsur sahaja yang dicerminkan. Ini kerana pengetahuan dan pengalaman terhadap budaya India boleh mengeratkan lagi perasaan muhibah dan perpaduan di kalangan masyarakat yang terdapat di negara ini.
- (V) Gambaran terhadap budaya lain-lain tidak seharusnya tertumpu kepada budaya kaum Baba dan Nyonya sahaja. Malah kaum bumiputra di Sabah dan Sarawak harus diberi tumpuan yang lebih demi mengeratkan hubungan antara masyarakat di Malaysia Timur dengan masyarakat Malaysia Barat.
- (Vi) Budaya asing hanya dicerminkan secara ringkas sahaja dalam buku teks, iaitu hanya menyebut nama-nama bangsa. Adalah lebih bermanfaat sekiranya bangsa disebut berserta dengan ciri-ciri budayanya.

Gambaran Budaya dalam Gambar dan Ilustrasi

Data kajian menunjukkan buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 mencerminkan budaya semua kaum. Satu lagi penemuan yang agak luar biasa di sini ialah cerminan budaya universal yang paling banyak. Lebih separuh (53.2%) daripada gambar dan ilustrasi yang terdapat dalam buku teks mencerminkan budaya universal. Cerminan budaya universal terhadap unsur pakaian yang terlalu banyak (28.1%) menyebabkan fokus kepada aspek-aspek lain dalam budaya universal menjadi kurang. Dengan itu, hanya enam unsur yang lain sahaja dicerminkan daripada 23 unsur yang dikaji, iaitu unsur pakaian, makanan, patriotik, pekerjaan, peralatan dan perhiasan. Dengan itu pelajar-pelajar kurang mendapat pendedahan terhadap unsur-unsur lain yang dianggap sebagai ciri-ciri universal yang dikongsi bersama.

Begitu juga dengan gambaran terhadap budaya Melayu, aspek pakaian paling banyak terdapat dalam gambar dan ilustrasi berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Hanya sembilan unsur budaya Melayu sahaja yang terdapat dalam gambar dan ilustrasi, iaitu unsur agama, bangunan, makanan, pakaian, pekerjaan, pengangkutan, gender, perhiasan dan seni ukir. Lain-lain unsur tidak diberi perhatian oleh gambar dan ilustrasi. Ini menyebabkan skop budaya Melayu yang dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi menjadi sempit kepada beberapa unsur sahaja,

walhal unsur-unsur lain juga penting untuk memberi gambaran yang menyeluruh kepada para pelajar.

Budaya asing juga turut dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi. Hanya terdapat satu unsur budaya asing sahaja yang dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi, iaitu unsur pakaian. Nampaknya unsur pakaian mendominasi dalam unsur budaya Melayu, budaya universal, budaya lain-lain dan budaya asing. Data menunjukkan tidak ada pendedahan terhadap unsur-unsur budaya luar negara dalam gambar dan ilustrasi.

Budaya India juga turut dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi. Tetapi hanya satu unsur budaya sahaja yang dicerminkan, iaitu unsur perhiasan. Cerminan yang terhad begini ini menyebabkan unsur-unsur yang lain yang lebih unik dan lebih menarik yang seharusnya boleh menarik perhatian para pelajar juga tidak terdapat dalam gambar dan ilustrasi. Alangkah baiknya jika diperbanyak unsur-unsur yang lain kerana kaum India merupakan bangsa yang ketiga besar di negara ini selepas bangsa Melayu dan bangsa Cina.

Saiz gambar dan ilustrasi yang terdapat dalam buku teks adalah sesuai dengan konteks petikan. Gambar dan ilustrasi yang terdapat dalam buku teks pula adalah dalam bentuk hitam putih. Hampir kesemua ilustrasi yang terdapat dalam buku teks tidak diwarnakan. Ilustrasi terhadap pakaian raja umpamanya tidak memberi gambaran yang jelas tentang warna dan coraknya.

Unsur perhiasan yang diilustrasikan dalam buku teks lebih bertumpu kepada emas sahaja. Apabila disebut perhiasan, gambaran yang ada dalam buku teks ialah seperti alat-alat perhiasan wanita yang terdiri daripada gelang, cincin, rantai leher dan subang yang kesemuanya diperbuat daripada emas. Konsep perhiasan yang terdapat dalam buku teks sepatutnya meliputi aspek yang lebih luas lagi seperti perhiasan orang-orang Melayu yang lain yang lebih unik seperti tudung saji yang diperbuat daripada daun mengkuang dan sebagainya.

Sebagai kesimpulannya, ilustrasi dan gambar yang terdapat dalam buku teks memang mencirikan kepelbagaiannya budaya. Budaya universal digambarkan paling banyak dalam gambar dan ilustrasi berbanding dengan budaya yang lain. Bagaimanapun budaya kaum yang lain turut dicerminkan tetapi dengan jumlah yang sedikit. Budaya Cina, budaya India, budaya lain-lain dan budaya asing digambarkan tidak sampai 10%. Jumlah yang sedikit ini menyebabkan unsur-unsur yang dicerminkan adalah tidak menyeluruh, dan terdapat unsur-unsur yang tidak digambarkan langsung.

Ringkasan Dapatan

- (i) Budaya universal dicerminkan lebih daripada separuh berbanding dengan budaya yang lain dalam gambar dan ilustrasi.

- (ii) Budaya Melayu memberi gambaran yang terlalu banyak kepada unsur pakaian dalam gambar dan ilustrasi.
- (iii) Budaya asing hanya mencerminkan unsur pakaian sahaja dalam gambar dan ilustrasi.
- (iv) Budaya India pula, hanya mencerminkan unsur perhiasan sahaja dalam ilustrasi.

Kelemahan dan Cadangan

- (i) Gambaran budaya universal yang terlalu banyak dalam ilustrasi dan gambar menyebabkan budaya lain kurang diberi perhatian. Budaya kaum-kaum yang lain harus diperbanyak dalam ilustrasi dan gambar demi pendedahan yang lebih menyeluruh kepada pelajar-pelajar.
- (ii) Fokus budaya Melayu yang terlalu banyak kepada unsur pakaian dalam gambar dan ilustrasi menyebabkan gambaran terhadap unsur pakaian berulang-ulang, sedangkan unsur-unsur lain yang penting tidak dicerminkan. Unsur-unsur yang lain juga harus dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi kerana budaya merangkumi keseluruhan cara hidup.
- (iii) Budaya asing yang hanya mencerminkan unsur pakaian dalam gambar dan ilustrasi menyebabkan tidak ada kepelbagaiannya cerminan terhadap unsur

budaya asing. Adalah lebih menarik sekiranya pelajar-pelajar didedahkan dengan gambar dan ilustrasi tentang makanan, pakaian, perhiasan dan perlakuan-perlakuan orang asing yang lebih unik lagi.

- (iv) Unsur budaya India yang kurang dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi menyebabkan para pelajar tidak mendapat gambaran yang jelas terhadap budaya India sedangkan kaum India merupakan kaum yang ketiga besar di negara ini.

Gambaran Budaya Mengikut Petikan

Buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 membahagikan setiap bab kepada 5 pembahagian yang besar, iaitu bahagian mendengar dan bertutur, bahagian membaca dan memahami, bahagian tatabahasa, bahagian menulis dan bahagian bacaan luas. Pengkaji tidak memasukkan bahagian tatabahasa dalam kajian ini kerana bahagian tatabahasa tidak mempunyai maksud khusus yang hendak disampaikan dalam petikan, bahagian ini cuma menekankan tentang cara penggunaan tatabahasa yang betul.

Petikan mendengar dan bertutur mempunyai 89 unsur budaya. Unsur budaya Melayu paling dominan sehingga melebihi 60% dicerminkan dalam bahagian mendengar dan bertutur. Unsur seni sastera digambarkan paling banyak

dalam budaya Melayu. Antara aspek yang banyak diketengahkan ialah sajak, syair, pantun, gurindam, nazam, cerpen, novel, drama dan seloka. Aktiviti pengajaran dan pemelajaran yang menggunakan bahan sastera lebih menyeronokkan kerana terdapat kisah dan tauladan.

Terdapat beberapa unsur budaya yang tidak terdapat dalam petikan mendengar dan bertutur, iaitu unsur bahasa, hubungan luar, masalah sosial, pakaian, patriotik, pendidikan, pengangkutan, seni muzik, seni tenun, seni ukir dan sejarah. Fokus kepada unsur seni sastera dan unsur perhiasan menyebabkan unsur-unsur lain tidak digambarkan dalam petikan mendengar dan bertutur.

Walaupun memberi fokus yang banyak kepada unsur budaya Melayu, tetapi petikan mendengar dan bertutur juga turut memasukkan budaya kaum yang lain seperti kaum Cina, kaum India, kaum Lain-lain, Kaum asing dan budaya universal. Bagaimanapun fokus kepada budaya Cina dan budaya India paling sedikit berbanding dengan budaya yang lain.

Petikan membaca dan memahami juga memberi tumpuan yang banyak kepada unsur budaya Melayu. Lebih separuh daripada unsur budaya yang dicerminkan dalam petikan membaca dan memahami adalah datang daripada budaya Melayu. Tumpuan yang paling banyak pula adalah kepada unsur pemikiran dan pekerjaan. Unsur pemikiran yang agak menarik ditemui dalam peristiwa orang-orang Melayu yang

masuk ke hutan tidak menyebut perkataan 'harimau' tetapi ditukarkan dengan perkataan 'Sang Belang'. Dapatlah disimpulkan bahawa apabila masuk ke hutan terdapat beberapa pantang larang yang diamalkan oleh golongan tua dan muda.

Petikan mendengar dan bertutur tidak mempunyai unsur budaya Cina langsung. Sekiranya para pelajar boleh mempelajari dan mendalami seni sastera Melayu, adalah tidak salah sekiranya unsur sastera Cina seperti cerita-cerita tentang kebesaran dan kekuasan maharaja China pada suatu ketika dahulu dimasukkan dalam petikan mendengar dan bertutur.

Begitu juga dengan budaya India dan budaya asing yang hanya digambarkan hanya sekali sahaja dalam petikan mendengar dan bertutur. Adalah lebih baik jika dimasukkan lebih banyak unsur budaya Melayu dan budaya universal dalam petikan mendengar dan bertutur, tetapi janganlah sampai budaya kaum lain ditiadakan lansung atau hanya dicerminkan sekali sahaja. Kurangnya pendedahan terhadap budaya kaum lain sama ada dalam negeri maupun luar negeri cenderung menyempitkan pemikiran pelajar terhadap cara hidup orang lain, ketiadaan pemahaman yang sedemikian akan menyebabkan para pelajar sukar menerima dan sukar bertoleransi dengan orang lain dalam pergaulan sehari-hari.

Petikan membaca dan memahami memberi pendedahan yang cukup menarik kepada budaya Lain-lain, iaitu kaum Baba dan Nyonya yang terdapat di negara kita. Keunikan budaya kaum Baba dan Nyonya ini memberi pengalaman yang tidak sedikit kepada para pelajar kerana bukan semua pelajar yang berkesempatan mengenali keturunan Baba dan Nyonya ini. Cerminan terhadap masakan, pakaian, kuih muih, cara berdondang sayang, hantaran perkahwinan dan sebagainya menyebabkan kita ingin mengenali kaum yang kaya dengan budaya yang unik ini.

Sekiranya petikan membaca dan memahami memberi tumpuan yang paling banyak kepada unsur budaya Melayu, berbeza pula dengan petikan menulis yang memberi tumpuan yang paling banyak kepada unsur budaya universal. Ini kerana para pelajar yang menggunakan buku teks terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum, jadi pendedahan terhadap unsur-unsur universal ini memudahkan mereka memahami maksud petikan. Ciri-ciri universal ini agak mudah diterima oleh para pelajar kerana dalam diri mereka biasanya mempunyai ciri-ciri tersebut.

Petikan menulis hanya mencerminkan unsur budaya Melayu, unsur budaya asing dan unsur budaya universal. Manakala unsur budaya Cina, Unsur budaya India dan unsur budaya lain-lain tidak dicerminkan langsung.

Petikan yang terdapat pada bahagian bacaan luas mencerminkan paling sedikit unsur budaya, iaitu kira-kira 18 unsur budaya pelbagai kaum. Fokus yang paling

banyak ialah terhadap budaya universal. Amatlah bersetujuan dengan matlamat bacaan luas yang ingin memberi memberi pengetahuan tambahan kepada para pelajar, maka ciri budaya universal dicerminkan paling banyak.

Unsur yang paling banyak dicerminkan ialah unsur pekerjaan. Pekerjaan rakyat yang berbilang kaum di negara ini termasuklah sebagai pekebun, arkeologi, peladang dan terlibat dalam bidang perindustrian. Unsur ini mungkin senang disampaikan kepada para pelajar kerana hampir semua kaum terlibat dalam pekerjaan ini.

Oleh sebab fokus kepada ciri-ciri universal, maka fokus kepada budaya Melayu dan budaya lain-lain menjadi kurang. Malah unsur budaya Cina, budaya India dan budaya asing tidak dicerminkan sama sekali dalam petikan bacaan luas. Situasi ini menyebabkan buku teks Bahasa Malaysia KBSM kekurangan unsur budaya kaum lain yang dianggap penting untuk memupuk persefahaman di kalangan rakyat, apatah lagi kaum Cina dan kaum India merupakan antara kaum yang besar bilangannya di negara ini.

Sebagai kesimpulannya, petikan memdengar dan bertutur, dan petikan membaca dan memahami mencerminkan kepelbagaian budaya. Manakala petikan menulis dan petikan bacaan luas pula, tidak mencerminkan kepelbagaian budaya. Unsur-unsur budaya pelbagai kaum pula harus diperbanyak dalam buku teks, dan tidak seharusnya memberi fokus kepada sesuatu unsur sahaja.

Kepelbagaian unsur ini akan memberi pengetahuan yang pelbagai kepada para pelajar yang menggunakan buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.

Ringkasan Dapatan

- (i) Petikan mendengar dan bertutur memberi fokus yang banyak kepada unsur seni sastera.
- (ii) Fokus yang banyak kepada sesuatu unsur menyebabkan unsur budaya yang lain diabaikan.
- (iii) Unsur budaya Cina tidak dicerminkan langsung dalam petikan mendengar dan bertutur.
- (iv) Cerminan terhadap keturunan Baba dan Nyonya memberi pengalaman yang baru kepada para pelajar.
- (v) Bahagian kemahiran menulis tidak mencerminkan kepelbagaian budaya kerana hanya mengutarakan budaya universal, budaya Melayu dan budaya asing sahaja tanpa memasukkan unsur budaya Cina, budaya India dan budaya lain-lain.
- (iv) Petikan bacaan luas tidak mencirikan kepelbagaian budaya kerana hanya budaya Melayu dan budaya universal sahaja dicerminkan.

- (i) Fokus yang terlalu banyak terhadap unsur seni sastera dalam budaya Melayu menyebabkan beberapa unsur lain tidak dicerminkan. Adalah lebih baik sekiranya lebih banyak unsur budaya Melayu yang lain dicerminkan dalam petikan mendengar dan bertutur daripada fokus kepada satu atau dua unsur sahaja.
- (ii) Unsur-unsur budaya Cina tidak dicerminkan langsung dalam petikan mendengar dan bertutur. Unsur budaya Cina haruslah dimasukkan dalam petikan mendengar dan bertutur walaupun jumlah yang sedikit.
- (iii) Unsur-unsur budaya India dan budaya asing yang hanya digambarkan sekali sahaja tidak memberi pendedahan yang cukup kepada para pelajar. Unsur-unsur budaya India dan budaya asing harus diperbanyakkan demi memberi ilmu pengetahuan yang bermanfaat kepada para pelajar yang berbilang bangsa dan berbilang agama.
- (iv) Lain-lain budaya tidak seharusnya mencerminkan budaya kaum Baba dan Nyonya sahaja. Ini kerana negara kita masih mempunyai lain-lain kaum yang juga kaya dengan budaya seperti kaum bumiputra di Sabah dan Sarawak dan sebagainya.

buku teks haruslah menggariskan pendekatan, kaedah dan teknik yang berkesan dalam menerapkan unsur-unsur kepelbagaian budaya kepada pelajar-pelajar sekolah. Dengan itu para pelajar akan menjadi lebih peka terhadap budaya kaum-kaum yang lain.

Implikasi kepada Penulis Buku Teks

Penulis buku teks hendaklah memasukkan keseluruhan unsur-unsur budaya dalam penulisan mereka. Ini bermakna penulis buku teks harus menyediakan aktiviti dan latihan yang pelbagai bentuk untuk memberi pengetahuan dan pengalaman kepelbagaian budaya kepada para pelajar. Aktiviti dan latihan yang disediakan haruslah dilaksanakan di semua bahagian kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan memahami, dan kemahiran menulis. Pendedahan terhadap pendidikan pelbagai budaya secara keseluruhan ini akan memberi pengalaman yang menyeluruh kepada para pelajar dalam memahami budaya orang lain.

Implikasi kepada Guru Bahasa Malaysia

Guru Bahasa Malaysia perlu memberi perhatian yang lebih kepada usaha penyampaian unsur-unsur budaya bagi memberangsangkan minat pelajar terhadap pendidikan kepelbagaian budaya. Oleh itu, adalah wajar guru memupuk

sikap positif pelajar terhadap unsur-unsur budaya pelbagai kaum terutamanya, budaya kaum-kaum yang terdapat di negara ini. Guru juga harus mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pemelajaran pelbagai budaya serta memaksimumkan penglibatan pelajar agar mereka lebih memahami budaya orang lain.

Guru juga sepatutnya memberi latihan dan ujian kepada pelajar-pelajar sesudah selesaiannya aktiviti pengajaran dan pemelajaran untuk melihat sejauh manakah para pelajar boleh memahami dan menghayati kepelbagaian budaya.

Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Kajian ini adalah merupakan permulaan usaha penyelidikan dalam bidang yang kurang diterokai dan diharapkan ianya akan mendorong kajian yang seterusnya.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan, hanya sebuah buku teks sahaja yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini hanya dibuat kepada buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 sahaja. Kajian yang selanjutnya haruslah dilaksanakan secara meluas untuk melihat cerminan pelbagai budaya dalam buku teks bagi lain-lain tingkatan dalam melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Kriteria-kriteria yang digunakan dalam kajian ini hanyalah berdasarkan 23 senarai semak unsur budaya sahaja. Oleh itu adalah dicadangkan supaya kajian pada

202

masa akan datang mengkaji unsur-unsur budaya yang lebih terperinci lagi.

Adalah diharapkan pada masa akan datang kajian seumpama ini melibatkan lebih banyak buku teks yang membolehkan para pengkaji membuat perbandingan.

Penutup

Sebagai kesimpulannya, kajian ini hanya menyingkap sedikit gambaran tentang unsur-unsur budaya yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Antara unsur-unsur yang dikaji ialah adat, agama, bahasa, bangsa, bangunan, gender, hubungan luar, komunikasi, makanan, masalah sosial, pakaian, semangat patriotik, pekerjaan, pemikiran, pendidikan, pengangkutan, peralatan, perhiasan, seni muzik, seni sastera, seni tenun, seni ukir dan sejarah.

Rumusan yang dapat dibuat ialah budaya Melayu paling banyak dicerminkan dalam buku teks yang dikaji. Oleh kerana negara Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, maka unsur budaya universal kedua banyak dicerminkan dalam buku teks. Lain-lain budaya yang dikaji amatlah sedikit dicerminkan dalam buku teks. Akhir kata untuk menjayakan pendidikan pelbagai budaya, maka seharusnya unsur-unsur budaya kaum-kaum yang lain harus diperbanyakkan lagi dalam buku teks, tetapi tidaklah sebanyak budaya Melayu kerana Kongres

Kebudayaan Kebangsaan telah menetapkan bahawa Kebudayaan Kebangsaan di negara ini haruslah berlandaskan kepada kebudayaan kaum bumiputera yang terdapat di negara ini.